

LHDN MALAYSIA

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

# WASPADA “SCAMMER” LHDNM

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA


PENDIDIKAN


PERTANIAN


KESIHATAN


KEBAJIKAN


KESEJAHTERAAN



EKONOMI


KESELAMATAN


PEMBANGUNAN


PENGANGKUTAN AWAM


PERINDUSTRIAN

03-8911 1000
Hasil Care Line

03-8751 1000
Hasil Recovery Call Centre

/LhdnTube

/LHDNMofficial

/LHDNM

/LHDNM

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# KEMANA HASiL CUKAI DIBELANJAKAN

Infrastruktur & Kemudahan Awam dan komunikasi






Kesihatan





Kolej & Universiti

Sekolah




Pembangunan





Keselamatan & Pertahanan Negara



Pertanian & Perindustrian

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# KANDUNGAN


## 1. PENGENALAN

- LHDNM
- CUKAI PENDAPATAN
- APLIKASI MYTAX

## 2. PENIPUAN KEWANGAN – 'SCAMMER LHDNM'

- JENIS-JENIS SCAM
- MODUS OPERANDI – KAEDAH / CARA SCAM
- MENGAPA GUNA NAMA 'LHDNM' ?
- SIAPA MANGSA SCAM 'LHDNM' ?
- JENIS-JENIS SCAM 'LHDNM'
- APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN


KEMASKINI PADA 11/01/2023

LHDN MALAYSIA

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE



# PENGENALAN KEPADA LHDNM

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# PROFIL KORPORAT LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara. LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut :

- Akta Cukai Pendapatan 1967
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986
- Akta Setem 1949
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# STRUKTUR KEMENTERIAN KEWANGAN




KEMASKINI PADA 11/01/2023




# LOKASI LHDHM

KEMASKINI PADA 11/01/2023

LHDN MALAYSIA

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE



# CUKAI PENDAPATAN DAN ANDA

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

## CUKAI

### Langsung

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

- Cukai Pendapatan Syarikat & Individu
- Cukai Pendapatan Petroleum
- Duti Setem
- Cukai Keuntungan Hartanah

### Tidak Langsung

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)**

- Cukai Barang & Perkhidmatan
- Duti Import
- Duti Eksport
- Eksais

## BUKAN CUKAI

- Hasil Perkhidmatan Kerajaan daripada perniagaan
- Faedah & Hasil daripada pelaburan
- Lesen
- Bayaran perkhidmatan
- Cukai Jalan
- Denda & Penalti
- Dan lain-lain

Sumber :http://www.treasury.gov.my

# PENDAPATAN-PENDAPATAN LAYAK DIKENAKAN CUKAI DIBAWAH SEKSYEN 4 ACP 1967

| Perniagaan | Penggajian | Dividen Faedah Diskaun | Sewa | Pencen | Perolehan / Keuntungan Lain |
|---|---|---|---|---|---|
| s4(a) | s4(b) | s4(c) | s4(d) | s4(e) | s4(f) |

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI




KEMASKINI PADA 11/01/2023



# PENGENALAN APLIKASI MYTAX

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# PENGENALAN APIKASI MYTAX




KEMASKINI PADA 11/01/2023

# https://mytax.hasil.gov.my




KEMASKINI PADA 11/01/2023




Jumlah cukai yang telah dibayar tahun-tahun sebelumnya

Bayaran Balik yang diluluskan

Rekod Borang yang telah dihantar tahun-tahun sebelumnya

Status sekatan perjalanan

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**



LHDN MALAYSIA

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

# PENIPUAN KEWANGAN “SCAM”

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# APA ITU PENIPUAN KEWANGAN

**Aktiviti di mana peralatan komputer atau rangkaian digunakan sebagai medium untuk melakukan jenayah yang melibatkan kerugian wang ringgit.**




KEMASKINI PADA 11/01/2023

# FAKTOR UTAMA MENJADI MANGSA PENIPUAN DALAM TALIAN

## Keadaan Hidup

- Rasa terpinggir/kesunyian
- Hilang pekerjaan
- Perubahan negatif dalam status kewangan
- Bimbang tentang hutang



## Pengetahuan

- Tidak tahu bahawa bank tidak menghantar e-mel kepada pelanggan untuk meminta mereka mengklik pautan bagi tujuan pengesahan maklumat peribadi
- Tidak tahu bahawa sesebuah laman web boleh berkongsi maklumat yang diperolehinya dengan pihak ketiga walaupun mempunyai dasar privasi.




## Tingkah Laku

- Melayari laman web yang menghendaki pengunjung membaca dasar privasi dan syarat perjanjian
- Membuka e-mel daripada sumber yang tidak dikenali
- Menjual produk di laman lelong dalam talian
- Membuat pembelian menerusi laman pemindahan bayaran dalam talian
- Mendaftar untuk tawaran percubaan masa terhad percuma
- Memuat turun aplikasi
- Mengklik pada iklan timbul (*pop-up*)
- Sikap terburu-buru

TAHNIAH!
ANDA SEORANG
PEMENANG!!!

Percutian
PERCUMA!

*Sumber: AARP Survey of American Adults, 2014*

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# JENIS-JENIS SCAM/PENIPUAN

**1. Nigerian / *Scam* 419**

- Scammer yang menggunakan surat, fax atau e-mail bagi memohon bantuan pemindahan dana / wang secara haram dan meminta sebahagian bayaran pendahuluan serta menawarkan perkongsian komisen jutaan ringgit.

**2. Penipuan melalui panggilan telefon**

- *Scammer* akan membuat panggilan dan menyamar sebagai pegawai polis / kastam / bank / LHDN. *Scammer* biasanya akan mengugut mangsa dan meminta mereka menyerahkan maklumat kewangan.

**3. Penipuan pinjaman tidak wujud**

- *Scammer* akan menghubungi mangsa melalui media sosial, SMS atau telefon untuk memujuk mangsa memohon pinjaman yang tidak wujud. Memberikan bukti dokumen yang lengkap disetemkan dan meminta bayaran pendahuluan @ *processing fee*.

**4. Penipuan pembelian dalam talian**

- Pembeli tidak menerima barang yang dibeli walaupun telah membuat bayaran atau menerima barangan yang berbeza daripada yang diiklankan. Contoh; Mudah.my / Shopee / Lazada / FB / Insta.

**5. Data Phishing**

- Cubaan penipuan melibatkan teknik mencuri maklumat sulit dengan menggunakan penyamaran. Sering menggunakan e-mail sebagai medium mendapatkan maklumat.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# JENIS-JENIS SCAM/PENIPUAN

**6. *Love Scam***

- *Scammer* menggunakan media sosial melalui penyamaran dan memikat wanita yang kemudiannya meminta wang selepas menjalin hubungan dan memperdaya mangsa. Scammer selalunya menggunakan gambar-gambar yang menarik, cantik, mewah dan korporat milik orang lain.

**7. *Education* Scam**

- *Scammer* yang menyamar sebagai pegawai pendidikan dan menawarkan pakej pembelajaran di luar negara. Menjadikan kolej dan universitI bertaraf antarabangsa dengan yuran yang menarik. Meminta bayaran pendahuluan dan kemudiannya tidak dapat dihubungi.

**8. Scam Kartel Dadah**

- *Scammer* memperdaya mangsa yang secara rela atau diperdaya untuk menjadi kurier (keldai dadah), bagi membawa dadah atau barang seludup ke negara lain dengan bayaran yang lumayan. Sering menggunakan media sosial bagi mencari mangsa dengan menawarkan tiket dan pakej percutian percuma.

**9. *Job* Scam**

- *Scammer* memperdaya mangsa yang sedang menganggur dan mencari pekerjaan. Sering menawarkan perkerjaan yang menarik, mudah, masa flexible dan gaji lumayan serta bonus. Mencari mangsa melalui platform enjin carian perkerjaan seperti Jobstreet, Facebook atau LinkedIn.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**



# MODUS OPERANDI "SCAMMER" YANG MENGAITKAN DENGAN NAMA LHDNM

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# MENGAPA MENGGUNAKAN NAMA LHDNM

Nama LHDNM mudah dikenali dan mempunyai Cawangan di seluruh negara.

LHDNM merupakan agensi penguatkuasaan undang-undang percukaian.

Ramai orang yang membuat pelarian cukai / Tidak melaporkan cukai / Ada tunggakan cukai.

Dilantik oleh kerajaan bagi menguruskan Bantuan Khas Kerajaan seperti BKM/GKP/Banjir.

LHDNM mempunyai pelbagai jenis sistem dalam talian yang digunakan orang ramai.

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# SIAPA MANGSA SCAM LHDNM

- Pensyarah
- Doktor
- Guru
- Pesara
- Mahasiswa
- Jururawat
- Pemohon Bantuan
- Ahli Perniagaan
- Sesiapa Sahaja

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# KERATAN AKHBAR BERKAITAN SCAMMER LHDNM


Khamis, 7 April 2022, 2:21pm
Waktu Solat Kuala Lumpur

myMetro

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES ADDIN WM METROTV GALERI INFOGRAFIK BUKA PUASA


Selamat berbuka Puasa Bersama Lactel Bliss
Kuala Lumpur
WAKTU SOLAT MALAYSIA
02:21 PM
7 April 2022, Khamis
6 Ramadhan, 1443
Imsak 05:53 AM Subuh 06:03 AM Zohor 13:18 PM Asar 16:24 PM Maghrib 19:22 PM Isyak 20:32 PM


Guru rugi RM254,600 kerana Macau Scam

Juwan Riduan
am@hmetro.com.my



Gambar hiasan

Sipitang: Seorang guru kerugian sebanyak RM254,600 selepas diperdaya sindiket Macau Scam.

Mangsa berusia lingkungan 30 tahun itu mengalami kerugian selepas menerima panggilan daripada dua individu yang mengaku kononnya sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis berpangkat Sarjan.


Drama fans?


Trending

- Kristine selamat, misi kesan tiga lagi penyelam diteruskan
- Tumpasnya Nuar Taman dan Pendi Buaya, polis selesai kes bunuh, edar dadah
- Tragedi ambil cucu
- 4 penyelam hilang: Tekong bot positif dadah
- Ibu tunggal mengaku lacurkan diri, didenda RM3,500 [METROTV]


Sinar Harian

PREMIUM

English Berita Suara Sinar Video Khas Lifestyle E-Pape

Khamis | 07 April 2022

>> BERITA > SEMASA > Jururawat rugi RM50,000 diperdaya pegawai 'LHDN, polis'

## Jururawat rugi RM50,000 diperdaya pegawai 'LHDN, polis'

ASYIKIN ASMIN | | 28 Mac 2022

Listen

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# KERATAN AKHBAR BERKAITAN SCAMMER LHDNM

Sinar Harian | PREMIUM | English | Berita | Suara Sinar | Video | Khas | Lifestyle | E-Pa

snin | 11 April 2022

>> BERITA > SEMASA > Pensyarah rugi RM300,000 jadi mangsa 'pegawai LHDN'

## Pensyarah rugi RM300,000 jadi mangsa 'pegawai LHDN'

NIK AMIRULMUMIN NIK MIN | | 07 Januari 2022

Listen 50%




## Syndicate Issuing Fake LHDN Letters To Scam Taxpayers, Learn How To Spot Them

The modus operandi is to inform the victims that they had tax overdue via a via a fake official letter.

BY FERNANDO FONG
APRIL 6, 2022







**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# KERATAN AKHBAR BERKAITAN SCAMMER LHDNM



VIRAL

## Scammer 'buat duit' musim e-Filing! Isteri terduduk wang RM30,000 lesap... Terpedaya panggilan LHDN, inspektor polis

Ahad, 03 April 2022 10:00 AM

Oleh: SHUHANIZA SAID

Sy nk share dgn famili dan rakan² FB sekalian, bagaimana isteri saya telah menjadi mangsa scam pada hari ini. Duit simpanan isteri saya kurang lebih RM30,000 termasuk gaji beliau yang baru saja masuk beberapa hari lepas, telah LESAP begitu sahaja dari akaun maybank beliau.

Gara-gara terpedaya dengan modus operandi scammer yang licik, seorang wanita kehilangan wang kira-kira RM30,000. Gambar hiasan.

"ISTERI saya jatuh terduduk! Hari pertama dan kedua emosinya tidak stabil, sekejap okey, sekejap termenung dan sekejap menangis."

Demikian kata lelaki yang hanya mahu dikenali sebagai Muhammad Othman ketika berkongsi cerita mengenai isterinya yang menjadi mangsa *scammer*, beberapa hari lalu.



Sinar Harian | PREMIUM | English | Berita | Suara Sinar | Video | Khas | Lifestyle | E-Pap

Isnin | 11 April 2022

## Doktor rugi lebih RM60,000 ditipu 'pegawai LHDN'

ASYIKIN ASMIN | | 06 Mac 2022

Listen

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# KERATAN AKHBAR BERKAITAN SCAMMER LHDNM

TheStar LHDN warns of SMS scam targeting Bantuan Prihatin Nasional recipients

## LHDN warns of SMS scam targeting Bantuan Prihatin Nasional recipients

By ANGELIN YEOH

TECHNOLOGY Premium

Friday, 03 Apr 2020

2:45 PM MYT




LHDN will only send text messages from the numbers 62000 or 63833. – AZHAR MAHFOF/The Star

The Inland Revenue Board (LHDN) has reminded Malaysians not to be fooled by scammers sending text messages claiming they have qualified for Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

## Mahasiswa ditipu 'pegawai' LHDN

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap - Februari 23, 2022 @ 1:24pm

bhnews@bh.com.my




Pelbagai golongan masyarakat masih tertipu dengantaktik Macau Scam. - Foto hiasan NSTP

JEMPOL: Penuntut kolej kerugian lebih RM32,000 selepas menjadi mangsa penipuan individu menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# KERATAN AKHBAR BERKAITAN SCAMMER LHDNM



Sinar Harian | PREMIUM Sinar Eksklusif dan Kritis | English | Berita | Suara Sinar | Video | Khas | Lifestyle | E-Pape

Isnin | 11 April 2022

>> BERITA > SEMASA > Didakwa ada tunggakan cukai LHDN, suri rumah lesap RM35,300

## Didakwa ada tunggakan cukai LHDN, suri rumah lesap RM35,300

NORAFIDAH ASSAN | | 01 September 2021

Listen 100%





TheStar 18 cases of fake LHDN officers detected from Jan 1 to Feb 9,2021

## 18 cases of fake LHDN officers detected from Jan 1 to Feb 9,2021

NATION

Thursday, 11 Feb 2021

12:48 PM MYT

KUALA LUMPUR (Bernama): As many as 18 cases of syndicate members impersonating Inland Revenue Board (LHDN) officers involving losses of about RM636,311 were reported from Jan 1 to Feb 9 this year.

LHDN, in a statement Thursday (Feb 11), said the information was obtained from cases reported by the media.

"The tactics used by the scammers are to intimidate the victim into panic before forcing the victim to take hasty action by handing over personal and banking details and some even voluntarily make cash payments to members of the syndicate," the statement said.

To prevent any recurrence, the public are reminded to verify any dubious calls, emails or letters purportedly from LHDN by contacting the Hasil Care Line at 03-8911 1000/ +603-8911 1100 (from overseas), or at www.hasil.gov.my or visit the nearest branch.

As part of efforts to raise public awareness, LHDN has also utilised both mainstream and social media in addition to sending official emails via noreply_contactcentre@hasil.gov.my with infographics as a reminder relating to scam activities.

"To date, a total of 2,927,400 emails have been sent to email addresses in the IRB

### Related News

NATION 16h ago

Recoveries exceed new cases, says Health DG

SABAH & SARAWAK 1h ago

Covid-19: Sabah's cases drop to lowest in 11 months

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# JENIS –JENIS SCAMMER LHDNM

1. KES TUNGGAKAN / PELARIAN CUKAI
2. PELARIAN CUKAI, KEGIATAN JENAYAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM
3. LAWATAN PUNGUTAN / AUDIT / SIASATAN CUKAI
4. KEUNTUNGAN PENJUALAN SAHAM
5. BAYARAN BALIK CUKAI TERLEBIH BAYAR

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# KES TUNGGAKAN & PELARIAN CUKAI

**Mangsa menerima mesej, panggilan telefon, surat atau e-mel daripada sindiket memaklumkan terdapat tunggakan cukai yang masih belum dijelaskan. Mangsa dikehendaki menjelaskan tunggakan cukai dan membuat pindahan wang ke akaun bukan milik LHDNM**

**Mangsa dihubungi sindiket yang menyamar sebagai pegawai LHDNM atau pegawai polis memaklumkan bahawa mangsa mempunyai baki cukai tertunggak dan mengarahkan mangsa untuk memuat turun aplikasi palsu dari Bank Negara Malaysia (BN) atau berkongsi maklumat peribadi perbankan di laman web palsu yang kononnya milik BNM bagi tujuan siasatan.**



# PELARIAN CUKAI, KEGIATAN JENAYAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Mangsa dihubungi kononnya terlibat dengan pelarian cukai, jenayah dan pengubahan wang haram. Sehubungan dengan itu akaun bank milik mangsa disekat, dibawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2021 (AMLATFPUAA). Mangsa kemudian disambung untuk bercakap dengan pegawai Polis atau pegawai SPRM atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab. Bagi mengelakkan semua wang dalam akaun mangsa dibekukan, mangsa diarahkan memindahkan wang tersebut ke akaun bank pihak ketiga.

Mangsa akan diugut dengan tindakan undang-undang dan kemungkinan dikeluarkan waran tangkap serta diminta untuk membuat bayaran segera. Surat dengan logo LHDNM dihantar kepada mangsa bagi membuktikan kesahihahan tindakan.



KEMASKINI PADA 11/01/2023

# LAWATAN PUNGUTAN, AUDIT DAN SIASATAN

**Mangsa menerima kunjungan "pegawai LHDNM" kononnya memungut cukai atau melakukan audit dan siasatan cukai. Sindiket akan meminta dokumen pendapatan atau perniagaan mangsa dan memaklumkan mangsa tersalah lapor cukai pendapatan. Mangsa diarahkan membuat pembayaran baki cukai tambahan yang taksirkan ke dalam akaun bukan milik LHDNM.**

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# KEUNTUNGAN PENJUALAN SAHAM

Mangsa menerima surat atau e-mel memaklumkan mangsa teribat dengan aktiviti perdagangan saham dengan salah satu syarikat pelaburan dan dikehendaki membuat bayaran tunggakan cukai berdasarkan arahan yang diberikan oleh sindiket penipuan.

Surat atau emel LHDNM yang dilampirkan menggunakan logo LHDNM dan nampak seakan-akan sama dengan dokumen rasmi LHDNM yang ada logo, alamat pejabat dan nama pegawai.


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
CAWANGAN DUTA
TINGKAT 3 KANAN, BLOK 8A
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50600 KUALA LUMPUR

Tarikh : 15 APR 2020

Tuan / Puan

Cukai Pendapatan
Pembayar Cukai :

Saya dengan hormatnya merujuk ... di atas

2. Tuan/Puan perlu ... CUKAI PENDAPATAN kerana anda telah buat lab... di syarikat RAKUTEN TRA... berjaya dan dapat hasil sebanyak RM 10,967.00.

3. Oleh ... perlu buat bayaran CUKAI PENDAPATAN sebanyak RM 3,500

4. Diharap Tuan/... bayar cukai dengan secepat mungkin supaya pihak LHDN boleh benarkan RAKUTEN TRADING buat transaksi keuntungan anda ke dalam bank akaun yang diberi oleh anda.

5. Sila buat bayaran ini kepada bank akaun yang diberikan.

Sekian, Terima Kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"



KEMASKINI PADA 11/01/2023

# BAYARAN BALIK CUKAI TERLEBIH BAYAR

**Mangsa menerima e-mel bahawa mangsa mempunyai cukai terlebih bayar yang akan dipulangkan semula oleh LHDNM. Mangsa diminta untuk klik pada pautan yang disediakan pada e-mel palsu tersebut dan arahan akan diberikan agar mangsa mendedahkan butiran akaun bank termasuklah kata laluan perbankan internet.**




**Pautan yang diberikan akan menyebabkan data dan maklumat peribadi pengguna diperolehi oleh scammer termasuk maklumat kewangan.**




**KEMASKINI PADA 11/01/2023**



LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

# APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN?

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# SEKIRANYA MENERIMA SCAM MELALUI E-MEL

1. **Jangan klik** apa-apa pautan atau iklan yang menawarkan sesuatu yang terlalu bagus.
2. **Jangan klik** lampiran dalam emel atau membuka pautan dalam kandungan emel. Padam atau abaikan e-mel yang mencurigakan. Jangan sesekali balas emel tersebut.
3. **Laporkan emel** sebagai spam kepada penyedia perkhidmatan atau jabatan yang mengendalikan rangkaian internet di pejabat anda.
4. **Sekat emel** berkenaan dengan menandakan sebagai spam / auto delete sekiranya menerimanya lagi.

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# SEKIRANYA MENERIMA SCAM MELALUI INTERNET

1. **Gunakan** versi **pelayar web terkini.**
2. **Pastikan URL** sesuatu laman web yang anda layari mempunyai "https" di alamat URL dan ikon mangga berkunci, terutama jika laman sesawang bank.
3. **Taip URL perbankan** di dalam pelayar atau jadikan ia *bookmark* atau *favourite*.
4. **Jangan tertipu** dengan logo dan laman web yang serupa dengan yang asal.
5. **Jangan akses** perbankan dalam talian semasa menggunakan Wi-fi awam atau di kafe siber.
6. **Jangan berikan @ kongsi maklumat akaun** atau kad bank (contoh: kad kredit atau debit).
7. **Pantau akaun kewangan / perbankan anda.** Perhatikan jika ada transaksi yang mencurigakan seperti pembayaran yang mempunyai rujukan "test". Ia salah satu taktik penjenayah siber.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

# SEKIRANYA MENERIMA SCAM MELALUI TELEFON

1. **Tamatkan panggilan** dengan segera jika ianya meragukan atau pemanggil meminta maklumat peribadi anda bagi tujuan pengesahan.
2. **Telefon nombor awam atau talian khidmat pelanggan** syarikat yang mengatakan anda telah memenangi sesuatu daripada mereka.
3. **Jangan berikan** @ kongsi maklumat akaun atau kad bank, walaupun anda dihubungi oleh Bank Negara Malaysia (contoh: kad kredit atau debit).
4. **Jangan muat turun** aplikasi yang diminta oleh pemanggil kerana ianya akan menyebabkan semua maklumat anda boleh diakses oleh scammer.
5. **Pantau akaun / perbankan anda.** Semak jika ada transaksi pindahan dana yang mencurigakan.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# SCAM MENGGUNAKAN NAMA LHDNM

1. Semak dengan LHDNM
    - Panggilan ke Hasil Care Line di Talian 03-8911 1000 / 03-8911 1100 (Luar Negara)
    - HASiL Live Chat
    - Borang Maklum Balas LHDNM di portal rasmi LHDNM
    - Hadir ke Cawangan yang berdekatan
2. Jangan dedahkan butiran perbankan terutamanya kata laluan perbankan internet.
3. Jangan klik pada pautan yang diterima daripada e-mel yang meragukan.
4. Pastikan bayaran tunggakan cukai dibuat hanya kepada LHDNM.
5. Jangan muat turun sebarang aplikasi yang diminta oleh pemanggil yang tidak dikenali.
6. Semak Rangka Kerja Pungutan Cukai, Rangka Kerja Audit Cukai dan Rangka Kerja Siasatan Cukai di portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Perundangan untuk mengesahkan prosedur sahih aktiviti pungutan, audit dan siasatan cukai LHDNM.
7. Pastikan e-mel rasmi LHDNM menggunakan domain@hasil.gov.my

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# TINDAKAN SUSULAN JIKA MENJADI MANGSA

1. **Buat laporan** polis secepat yang mungkin.
2. **Telefon khidmat pelanggan** bank bagi menghalang sebarang tindakan perbankan internet.
3. **Tukar semua** kad kredit / debit perbankan anda.
4. **Tukar semua kata laluan** perbankan internet / media sosial / e-mel / akaun shopping online.
5. **Maklumkan semua** ahli keluarga, sahabat dan rakan sepejabat.
6. **Kumpulkan maklumat / bukti** – e-mel, chat, message, resit dan yang berkaitan.
7. **Buat laporan** kepada admin laman-laman yang bertanggungjawab - laman *online dating, shopping*, perkhidmatan e-mel atau pihak berkuasa yang berkaitan seperti PDRM, SKMM, KPDNHEP, Bank Negara Malaysia dan Persatuan Pengguna.
8. **Sentiasa kemas kini ilmu pengetahuan** mengenai keselamatan dalam talian, terutamanya penipuan dalam talian. Rujuk kepada media sosial Jabatan Siasatan Jenayah Siber PDRM dan SKMM.

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**

# UNDANG-UNDANG BERKAITAN

| JENIS KESALAHAN | UNDANG-UNDANG BERKAITAN | AGENSI PENGUATKUASAAN |
|---|---|---|
| Penipuan Kewangan | Akta Syarikat 1965 | SSM |
| | Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 | BNM |
| | Kanun Keseksaan (Seksyen 420) | PDRM |

**** Bukan semua kesalahan atau tindakan undang-undang diambil oleh pihak Polis. Ada undang-undang di bawah kawalan agensi yang lain serta Akta yang berbeza.***

KEMASKINI PADA 11/01/2023

LHDN MALAYSIA

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE



# BERWASPADA JANGAN JADI MANGSA

KEMASKINI PADA 11/01/2023

# TIPS DAN NASIHAT







KEMASKINI PADA 11/01/2023

# TIPS DAN NASIHAT




KEMASKINI PADA 11/01/2023

# TIPS DAN NASIHAT




KEMASKINI PADA 11/01/2023

# JANGAN JADI **MANGSA** SINDIKET PENIPUAN

## ***JANGAN*** *DEDAHKAN* ***MAKLUMAT*** *PERCUKAIAN ANDA*




KEMASKINI PADA 11/01/2023

# JANGAN SEBAR BERITA PALSU

# *SEMAK SUMBER BERITA SEBELUM BERKONGSI*




KEMASKINI PADA 11/01/2023

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

# JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIAL
# POLIS DIRAJA MALAYSIA













SCAN ME

Dikemaskini pada Disember 2022
oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia

**KEMASKINI PADA 11/01/2023**






# INGIN KELUAR NEGARA??

# PASTIKAN ANDA MEMBUAT SEMAKAN

## http://sspi.imi.gov.my

KEMASKINI PADA 11/01/2023

LHDN MALAYSIA

# SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI HASiL

Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap pelaksanaan program agar kualiti program dapat dipertingkatkan selari dengan visi dan misi LHDNM.

Terima kasih.

**Jabatan Khidmat Korporat**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Imbas Kod QR ini untuk maklum balas anda**



# TERIMA KASIH

/LHDNM /LHDNMofficial /LHDNM www.hasil.gov.my

**03-8911 1000**
Hasil Care Line

**03-8751 1000**
Hasil Recovery Call Centre




KEMASKINI PADA 11/01/2023